

▼24/03/13-35MST

CNS1957

U GB 24-03 00172 BB712

bah

Mahathir - Islam

KEFAHAMAN YANG LEMAH MENGENAI AJARAN AGAMA JADIKAN UMAT ISLAM MUNDUR

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kefahaman yang lemah mengenai ajaran Islam yang sebenar telah menjadikan umat Islam lemah dan mundur.

Sebagai contoh, pengajaran bahawa ilmu selain daripada yang berkaitan dengan agama, adalah sekular dan tidak perlu dipelajari, menyebabkan hampir semua umat Islam ketinggalan zaman dan tertindas.

Sementara itu perbezaan kefahaman mengenai Islam pula menyebabkan umat itu berpecah dan bermusuhan sesama sendiri sedangkan agama itu menegaskan bahawa orang Islam adalah bersaudara, katanya ketika berucap merasmikan bangunan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata di beberapa buah negara Islam, puak ekstrimis sanggup membunuh orang yang seagama untuk menggulingkan kerajaan dan keadaan ini menyebabkan negara Islam menjadi lemah dan mudah diperalatkan oleh kuasa-kuasa asing.

"Islam dan umat Islam tidak sedikitpun mendapat keuntungan daripada perbezaan kefahaman yang menjadi punca tindakan ekstrimis ini," katanya. -- Lagi

▼24/03/12-37MST

U GB 24-03 00180 BB713

bah

Mahathir - Islam 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata selama beberapa dekad pada awal kurun ke-20, semua orang Islam dan negara Islam telah dijajah dan perkara itu mungkin akan berterusan jika tiada tokoh-tokoh Islam menghidupkan semula semangat umat Islam.

Semangat keIslaman sahaja bagaimanapun tidak mencukupi untuk memajukan umat, malah pengetahuan yang luas serta ilmu modern dan teknologi sangat perlu dikuasai untuk mencapai matlamat itu.

Dalam ucapan panjang lebar mengenai kefahaman dan toleransi dalam Islam itu, Dr Mahathir turut menyentuh mengenai timbulnya permusuhan dan ketegangan perhubungan antara orang Islam dan bukan Islam.

Beliau berkata masalah itu juga wujud kerana perbezaan kefahaman atau kurang kefahaman mengenai Islam oleh bukan Islam dan sebaliknya.

"Sebenarnya hampir semua masalah dalam masyarakat berpunca daripada perbezaan kefahaman berkenaan perkara-perkara tertentu," katanya.

Dr Mahathir berkata hubungan antara Malaysia dengan Britain pada masa ini misalnya berpunca daripada perbezaan kefahaman mengenai kebebasan akhbar. Bila Malaysia mentafsirkan perkara itu sebagai kebebasan melaporkan perkara yang benar, Barat pula mentafsirkannya sebagai hak untuk melaporkan yang tidak benar. -- Lagi

▼24/03/12-54MST

CNS2010

U GB 24-03 00184 BR716

aab

Mahathir - Islam 3 Kuala Lumpur

Bagi umat Islam, kefahaman mereka terhadap ajaran agama bergantung kepada tafsiran dan ajaran mengikut kefahaman guru serta ulama dan keadaan ini seringkali dipengaruhi oleh nilai-nilai dan pegangan masyarakat sekeliling serta kepentingan-kepentingan tertentu.

"Jika masyarakat tidak toleran terhadap agama lain, ajaran Al-Quran mengenai toleransi tidak dihuraikan... jika ada sesuatu tujuan hendak dicapai, dipilih-pilihnya ajaran yang menyokong tujuan itu dan dengan itu umat Islam mendapat panduan agama yang hanya separuh benar," katanya.

Perdana Menteri berkata kefahaman yang berbeza terhadap sesuatu masalah dan hukum antara ulama pula telah menyebabkan perpecahan di kalangan pengikut dan yang ketara ialah wujudnya puak Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan golongan Syiah.

Kewujudan puak Syiah dan Sunni itu tidak menamatkan perpecahan malah beberapa imam dalam puak-puak ini membuat pula pelbagai tafsiran mengenai ajaran Islam sehingga memecahkan lagi umat Islam kepada banyak mazhab kecil dan pelbagai kumpulan.

"Sementara kebanyakan perbezaan ini tidak sebenarnya menyeleweng daripada ajaran Islam, ada yang lari jauh daripada ajaran itu sehingga tidak lagi boleh dikatakannya daripada ajaran Islam," katanya. -- Lagi

▼24/03/13-36MST

U GB 24-03 00184 BU717

aab

Mahathir - Islam 4 Kuala Lumpur

Keadaan menjadi lebih rumit kerana dengan peredaran zaman dan pertaburan umat Islam, mereka menjadi lebih terdedah kepada orang bukan Islam di negara mereka dan di negara asing yang mereka berhijrah.

Perhubungan mereka dengan bukan Islam menjadi masalah kerana mereka tidak faham apa sebenarnya kehendak Islam dalam hubungan itu sedangkan pada masa yang sama orang bukan Islam membuat tafsiran sendiri yang kerap kali tidak benar dan tidak tepat mengenai Islam.

Dr Mahathir berkata biasanya terdapat pandangan berat sebelah terhadap orang Islam dan agama Islam di negara-negara bukan Islam dan di kalangan orang bukan Islam, sehingga apabila orang Islam ditindas dan dibunuh dengan kejam seperti di Bosnia dan Israel, majoriti masyarakat manusia memandangnya sebagai perkara ringan.

"Sebaliknya apabila orang Islam tidak lagi dapat membendung perasaan, lalu bertindak balas, mereka dicap sebagai "pengganas", " katanya.

Sebab itu apabila seorang Yahudi Israel menembak mati 50 orang Islam yang sedang bersembayang dan mencederakan berpuluh-puluh lagi, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tidak mengecam perbuatan itu sebagai "keganasan" sehingga selepas beberapa minggu. -- Lagi

▼24/03/13-39MST

aah

Mahathir - Islam 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata jika orang bukan Islam tidak dipengaruhi oleh sejarah permusuhan dengan orang Islam dan memahami bahawa Islam adalah agama yang aman dan toleransi, mereka tidak akan mempunyai prasangka terhadap orang Islam.

Beliau juga berkata penubuhan IKIM berasaskan kesedaran bahawa kebanyakan masalah umat Islam berpunca daripada kefahaman dan perbezaan kefahaman mengenai ajarannya di kalangan penganut agama Islam dan orang bukan Islam.

Institut itu bukan sahaja berperanan menentukan ajaran Islam yang sebenar diterima dan disebar kepada umat Islam, malah penyertaan orang bukan Islam dalam seminar-seminar anjuran IKIM adalah penting untuk meningkatkan kefahaman mereka terhadap asas-asas sebenar Islam.

IKIM diharap dapat memperbetulkan salah kefahaman mengenai Islam, sekurang-kurangnya di Malaysia dan membuktikan toleransi Islam dalam hubungan dengan semua pihak, katanya. -- Bernama

AFY RON